

'Memang kami tersepit...'

Pengusaha ikan patin sangkar bimbang masa depan industri dibelenggu masalah

Pengusaha ternakan ikan patin sangkar di daerah ini bimbang dengan masa depan mereka berikutan industri itu kini dibelenggu pelbagai masalah sehingga menjejaskan pendapatan golongan terabit.

Kebanyakan penternak mendakwa perniagaan mereka tidak lagi menguntungkan disebabkan kadar kematian ikan semakin tinggi dan kos makanan meningkat.

Malah difahamkan ada segelintir penternak tidak mampu bertahan sehingga terpaksa menutup operasi mereka.

Selain faktor cuaca tidak menentu, penternak mendakwa kematian ikan juga disebabkan beberapa faktor lain antaranya benih dan makanan ikan tidak berkualiti, kemerosotan kualiti air Sungai Pahang serta keadaan sungai semakin cetek disebabkan aktiviti pengepam pasir.

Situasi itu jika dibiarkan tanpa langkah penyelesaian dikhuatiri akan menjejaskan sektor pelancongan di daerah ini yang popular dengan jolokan bandar ikan patin selain sinonim dengan patin masak tempoyak.

Pengerusi Koperasi Penternak Ikan Sangkar dan Nelayan Darat Temerloh Berhad Ibrahim Husin berkata, penternak kini berdepan cabaran besar untuk meneruskan operasi mereka.

"Sejak tahun lalu, ada beberapa perkara yang membelenggu penternak di sini antaranya dari segi tempoh ikan untuk matang selain kadar kematian ikan sama-



PENTERNAK ikan sangkar Temerloh semakin tertekan dengan pelbagai masalah yang menghimpit mereka sehingga mengalami kerugian.
- Gambar NSTP/KHAIRULMIZAN YAHYA

kin meningkat.

"Biasanya ikan yang diternak akan matang dan boleh dijual dalam tempoh kira-kira enam bulan tetapi sejak kebelakangan ini, lapan bulan pun ikan tidak boleh dijual lagi.

"Selain itu, kematian juga meningkat apabila sebelum ini satu sangkar boleh menghasilkan antara 600 hingga 700 kilogram (kg) tetapi sekarang kebanyakannya hanya boleh menghasilkan 300kg sahaja," katanya.

Menurutnya, hasil yang semakin berkurang menje-

jakan pendapatan penternak sekali gus tidak dapat membuat pusingan modal.

Sementara itu, peniaga dan penternak ikan sangkar Mohamad Syahir Hamka, 32, dari Kampung Pangsenam, di sini, berkata, penternak tidak mempunyai pilihan selain menaikkan harga jualan untuk terus bertahan dalam perniagaan.

"Kami terpaksa menaikkan harga jualan daripada RM22 ke RM23 hingga RM25 sekilogram bermula tahun lalu kerana kami tahu bagaimana susahnya menjalankan penternakan ikan pa-



tin sangkar sekarang.

"Dengan harga makanan yang mahal sehingga mencah RM78 untuk setiap beg

20 kilogram dan kadar kematian ikan meningkat, memang kami tersepit," katanya.



Biasanya ikan yang diternak akan matang dan boleh dijual dalam tempoh kira-kira enam bulan tetapi sejak kebelakangan ini, lapan bulan pun ikan tidak boleh dijual lagi"

Ibrahim Husi

Selain itu, katanya, dia juga berdepan masalah air cetek sehingga sebahagian sangkarnya kini berada di atas tebing pasir dan mendakwa masalah terbabit berpunca daripada aktiviti pengepam pasir berhampiran "Sepanjang bulan ini sahaja, sudah enam kali kami memindahkan sangkar ke tengah namun masalah itu tetap berulang malah semakin teruk," katanya.

Sementara itu, Ketua Cawangan Akuakultur Pejabat Perikanan negeri Muhammad Nur Ashry Basari berkata, pihaknya sentiasa peka dengan masalah dihadapi penternak dan berusaha membantu meringankan beban mereka.

"Pihak jabatan selah membantu golongan penternak ikan sangkar di negeri ini dengan menyalurkan pelbagai bentuk bantuan antaranya makanan, benih ikan serta peralatan akuakultur dan bantuan itu akan diteruskan," katanya.